

## Metodologi Muhammad Sa'id Umar Terhadap Periwiyatan Hadith-Hadith *Asbab al-Nuzul* Dalam *Tafsir Nurul Ihsan*

Mohd Nazri Ahmad<sup>1</sup> & Mohd Faizulamri Mohd Saad<sup>2</sup>

Email: <sup>1</sup>m\_nazri@ukm.edu.my & <sup>2</sup>faizam@ukm.edu.my

<sup>1&2</sup>Pensyarah Kanan, Pusat Kelestarian Turath Islami, FPI, UKM

### Abstrak

*Tafsir Nurul Ihsan* merupakan tafsir bahasa Melayu pertama yang dihasilkan oleh ulama Malaysia iaitu Muhammad Sa'id bin Umar yang dilahirkan pada tahun 1275H/1854 di kampung Kuar, Jerlun, Kedah Darul Aman. Riwayat *Asbab al-Nuzul* telah mendominasi sebahagian kecil daripada tafsir ini. Oleh itu, satu kajian tahqiq terhadap *Asbab al-Nuzul* di dalam tafsir ini perlu dilakukan memandangkan riwayat-riwayat yang dikemukakan adalah data yang ditransformasi oleh penulis daripada hadith-hadith dan kitab-kitab tafsir yang lain yang tidak dijelaskan sumber pengambilan dan kedudukan serta tiada kritikan. Hasil kajian mendapati Muhammad Sa'id hanya merujuk dua kitab sahaja dalam menukilkan riwayat-riwayat *Asbab al-Nuzul* iaitu *Tafsir al-Jalalayn* dan *al-Futuhat al-Ilahiyyah* atau lebih dikenali dengan *Hashiah al-Jamal*. Kajian ini juga mendapati terdapat 172 riwayat-riwayat *Asbab al-Nuzul*, 68 daripadanya adalah sahih dan 104 adalah da'if. Selain itu, kajian ini juga telah mengesan terdapat riwayat-riwayat *Asbab al-Nuzul* yang sahih yang tidak selaras dengan ayat-ayat al-Qur'an dan tidak sesuai untuk dijadikan sebab turun bagi sesuatu ayat al-Qur'an. Implikasi daripada kajian mendapati riwayat-riwayat *Asbab al-Nuzul* yang da'if memberi kesan terhadap kredibiliti tafsir ini sebagai rujukan utama bagi para pelajar dan masyarakat dan mengurangkan keautoritiannya untuk dijadikan rujukan terhadap riwayat-riwayat yang lain.

**Kata Kunci:** *Tafsir Nurul Ihsan*, Tafsir Bahasa Melayu, Muhammad Sa'id Umar, *Asbab al-Nuzul*, kredibiliti tafsir.

## Muhammad Sa'id Umar's Methodology on the Narration of the Hadiths of *Asbab al-Nuzul* In the *Tafsir Nurul Ihsan*

### Abstract

*Tafsir Nurul Ihsan* is the first Malay Language commentary produced by a Malaysian scholar who is Muhammad Sa'id bin Umar, who was born in 1275H/1854 in Kampung Kuar, Jerlun, Kedah Darul Aman. The content of *Asbab al-Nuzul* has been the dominant element in this commentary. Therefore, there is a need for a study to enhance the content of *Asbab al-Nuzul* in this commentary because it was submitted based on data transformed by the writer from other books of hadith and commentary, whereby its source and status was not elaborated and with no criticism. The study demonstrate that Muhammad Sa'id only referred to two books in writing the content of *Asbab al-Nuzul*, which is *Tafsir al-Jalalayn* and *al-Futuhat al-Ilahiyyah* or well-known as *Hashiah al-Jamal*. It was discovered that there were 174 contents of *Asbab al-Nuzul*, out of which 68 were authentic and 104 were false. The study also identified there were contents of *Asbab al-Nuzul* were authentic but did not align with verses of al-Qur'an and therefore were not appropriate to be the reason to describe the revelation of verses of al-Qur'an. This study concluded that the false content of *Asbab al-Nuzul* could affect the credibility of the Said's commentary, hence to be the main reference to students and society and could reduce its authority to become the reference to other commentary.

**Keywords:** *Tafsir Nurul Ihsan*, Malay Language Exegesis Book, Muhammad Sa'id Umar, *Asbab al-Nuzul*, Credibility of Exegesis

## 1. Pengenalan

*Tafsir Nur al-Ihsan* adalah kitab tafsir Melayu pertama yang ditulis secara lengkap 30 juzuk al-Qur'an. Tafsir yang julung kalinya dihasilkan didalam bahasa melayu Malaysia ini tidak hanya menterjemahkan ayat al-Qur'an ke dalam bahasa Melayu sahaja, bahkan topik-topik yang dibahaskan di dalamnya mempunyai nilai akademik yang tinggi. Kadang-kadang perbincangan yang dipersembahkan oleh penulisnya mungkin tidak mencapai tahap pemikiran orang-orang awam yang tidak mempunyai asas yang kukuh tentang ilmu-ilmu asas pengajian Islam. Antara contoh yang boleh dikemukakan disini ialah perbin'angan berkaitan tafsiran yang menggunakan *Qira'at al-Mudrajah* atau *al-Tafsiriyyah*, *al-Nasikh* dan *al-Mansukh*, topik-topik yang berkaitan *Ta'wil Mushkil al-Qur'an*, *Asbab al-Nuzul al-Qur'an* dan perselisihan ulama' ketika mentafsirkan ayat-ayat hukum. Ini menunjukkan bahawa kitab Tafsir ini mempunyai nilai ilmiah yang tinggi. Sehingga hari ini, kitab ini dijadikan rujukan bagi guru-guru yang mengajar ilmu Tafsir di Masjid-masjid, surau dan pondok. Keadaan ini menggambarkan bahawa Tafsir Nurul Ihsan ini, walaupun diulas dalam bahasa Melayu klasik, tetapi ia tidak dianggap lapuk ketinggalan zaman. Bahkan sebahagian masyarakat melayu yang cintakan ilmu pengetahuan agama, berusaha sedaya upaya untuk mempelajari dan memahami isi kandungan kitab ini. Mutakhir ini, ramai pelajar-pelajar samada diperingkat Pra Siswazah, Sarjana dan Doktor Falsafah amat cenderung untuk mengkaji Tafsir ini. Ada antara mereka yang mentahqiq dan merumikannya, mengkaji kedudukan hadith-hadith serta mentakhrijkannya, menyelidiki riwayat-riwayat Israiliyyat, mengkaji latar belakang penulis dan metodologi tafsirnya, membuat kajian khusus tentang hadith *Mauquf* dan pelbagai kajian-kajian ilmiah lain tentang tafsir ini. Tidak kurang juga para sarjana pengajian Islam telah menulis artikel-artikel dan jurnal-jurnal dalam berbagai tajuk berkaitan tafsir ini.

## 2. Definisi *Asbab al-Nuzul*

*Asbab al-Nuzul* adalah ungkapan yang tersusun daripada dua perkataan iaitu "*Sabab*" dan "*Nuzul*". Untuk mendefinisikannya dari sudut bahasa, ia perlu didefinisikan satu persatu. "*Al-Sabab*" dari sudut bahasa membawa kepada beberapa pengertian iaitu: 1. Tali, sesuatu yang boleh menyampaikannya kepada orang lain (al-Fairuz Abadiy, 2005: 75). Contohnya firman Allah dalam Surah al-Hajj (22: 15), maksud "*فليمدد بسبب*" dalam ayat ini ialah hendaklah ia menghulurkan tali. 2. Jalan, Contohnya "*ومالي إليه سبب*", maksudnya: Aku tidak ada jalan untuk menuju kepadanya (al-Zamakhsyari 1998, 1: 206). 3. Kadang-kadang perkataan "*al-Sabab*" digunakan dengan makna *majaziy* membawa maksud: Sesuatu yang boleh menghubungkan seseorang kepada orang lain (Al-Fairuz Abadiy, 2005: 75), contohnya firman Allah dalam Surah al-Baqarah (2: 166), maksud "*وتقطعت بهم الأسباب*" di dalam ayat ini ialah "dan (ketika itu) terputusnya segala hubungan di antara mereka". 4. Penggunaan makna *majaziy* juga bermaksud hidup. (Al-Fairuz Abadiy, 2005: 75)

Manakala "*Al-Nuzul*" dari segi bahasa pula bermakna "*al-Hulul*" iaitu singgah (al-Fairuz Abadiy, 2005: 171), contohnya firman Allah dalam Surah al-Saffat (37: 177). Maksud "*فإذا نزل بساحتهم*" di dalam ayat ini ialah "kerana apabila azab itu singgah dalam daerah dan kawasan mereka". "*Al-Nuzul*" juga membawa maksud "*InhiDar*", iaitu turun daripada atas ke bawah (Ibn Manzur t.th, 5: 656)

*Asbab al-Nuzul* dari sudut istilah didefinisikan oleh Imam al-Sayuti (2002) sebagai "Berlakunya suatu peristiwa yang menyebabkan turunnya ayat al-Qur'an pada hari berlakunya sesuatu peristiwa". Al-Sayuti mengaitkan ungkapan "*أيام وقوعه*" yang bermaksud pada hari berlakunya suatu peristiwa untuk mengecualikan apa yang disebut oleh al-Wahidiy dalam tafsiran Surah al-Fil. Al-Wahidiy (2003: 370) menjelaskan bahawa sebab turun ayat tersebut ialah tentera bergajah datang untuk meruntuhkan ka'bah. Sedangkan menurut al-Suyuti (2002: 8) kisah ini bukan menjadi sebab bagi turun surah al-Fil, tetapi menceritakan apa yang telah berlaku.

Al-Zarqani (t.th, 1: 106) pula mendefinisikannya sebagai "Turunnya satu ayat atau beberapa ayat al-Qur'an yang memperkatakan tentang sesuatu isu atau menjelaskan hukumnya pada hari berlaku sesuatu peristiwa". Menurut al-Zarqani (t.th, 1: 106) lagi, ungkapan "Pada hari berlaku sesuatu peristiwa" perlu di letakan didalam definisi *Asbab al-Nuzul* untuk

mengecualikan ayat-ayat al-Qur'an yang diturunkan tanpa sebab. Contohnya ayat-ayat yang memperkatakan tentang perkara-perkara yang telah berlaku seperti kisah umat-umat terdahulu atau perkara yang akan berlaku seperti gambaran suasana hari Qiamat.

Definisi ini juga disokong oleh Mahir Yasin (2005: 39) di dalam Tahqiq dan Takhrij *Asbab al-Nuzul* al-Wahidiy. Alasan tambahan terhadap ungkapan “أيام وقوعه” berbeza antara al-Sayutiyy dan al-Zarqaniyy. Imam al-Sayutiyy menambahnya untuk mengecualikan ayat-ayat yang diturunkan untuk menceritakan perkara-perkara yang telah berlaku seperti cerita-cerita umat terdahulu, sedangkan al-Zarqaniyy menambahnya untuk mengecualikan ayat-ayat yang diturunkan tanpa sebab. Contoh yang dikemukakan oleh al-Zarqaniyy adalah sama dengan contoh yang dikemukakan oleh al-Sayutiyy iaitu seperti kisah umat-umat terdahulu.

Şubhi Salih (1977: 132) pula mendefinisikan *Asbab al-Nuzul* sebagai: Mengetahui perkara atau peristiwa yang menjadi salah satu komponen bagi sebab turunnya sesuatu ayat al-Qur'an atau jawapan atau penjelasan tentang hukum pada hari berlakunya peristiwa tersebut.

Daripada definisi di atas, dapat disimpulkan bahawa *Asbab al-Nuzul* ialah (‘Imad al-Din Muhammad Rashid 1999: 23):

- a. Turun sesuatu ayat al-Qur'an di zaman Nabi s.a.w sebagai penjelasan terhadap peristiwa yang berlaku. Contohnya perselisihan yang berlaku antara *Aus* dan *Khazraj* yang hampir-hampir berlakunya peperangan antara mereka, lalu Allah menurunkan ayat 122 Surah Ali ‘Imran yang bermaksud: (Ingatlah) ketika dua puak dari kamu (pada hari peperangan Uhud itu) terasa lemah semangat (untuk meneruskan perjuangan) kerana takut, padahal Allah penolong dan pelindung mereka; dan (jika sudah demikian) kepada Allah sahajalah hendaknya orang-orang yang beriman itu bertawakal.

Begitu juga ketika Nabi s.a.w bercita-cita untuk menghadap ke Masjidil Haram ketika sembahyang sebagai menggantikan Baitul Maqdis, lalu turun ayat 144 Surah al-Baqarah yang bermaksud:

Kerap kali Kami melihat engkau (wahai Muhammad), berulang-ulang menengadahkan ke langit, maka Kami benarkan engkau berpaling mengadap kiblat yang engkau sukai. Oleh itu palingkanlah mukamu ke arah Masjid al-Haram (tempat letaknya Ka'bah); dan di mana sahaja kamu berada maka hadapkanlah muka kamu ke arahnya. Dan sesungguhnya orang-orang (Yahudi dan Nasrani) yang telah diberikan kitab, mereka mengetahui bahawa perkara (berkiblat ke Ka'bah) itu adalah perintah yang benar dari Tuhan mereka; dan Allah tidak sekali-kali lalai akan apa yang mereka lakukan.

- b. Menjawab persoalan yang ditujukan kepada Nabi s.a.w seperti soalan Yahudi tentang Dhu al-Qarnayn, lalu Allah turunkan ayat 83-98 Surah al-Kahfi sebagai jawapan terhadap mereka, maksud ayat itu ialah:

Dan mereka bertanya kepadamu (Wahai Muhammad), mengenai Zulkarnain, katakanlah: "Aku akan bacakan kepada kamu (wahyu dari Allah Yang menerangkan) sedikit tentang perihalnya". Sesungguhnya Kami telah memberikan kepadanya kekuasaan memerintah di bumi, dan Kami beri kepadanya jalan bagi menjayakan tiap-tiap sesuatu yang diperlukannya. Lalu ia menurut jalan (yang menyampaikan maksudnya). Sehingga apabila ia sampai ke daerah matahari terbenam, ia mendapatinya terbenam di sebuah mata air yang hitam berlumpur, dan ia dapati di sisinya satu kaum (yang kufur ingkar). Kami berfirman (dengan mengilhamkan kepadanya): "Wahai Zulkarnain! Pilihlah sama ada engkau hendak menyeksa mereka atau engkau bertindak secara baik terhadap mereka.

### 3. Kepentingan Ilmu *Asbab al-Nuzul*

*Asbab al-Nuzul* merupakan salah satu komponen terpenting dalam ilmu Tafsir al-Qur'an. Kerana itulah, ulama-ulama Tafsir telah mengklasifikasikan *Asbab al-Nuzul* sebagai salah satu ilmu yang diperlukan oleh Mufassir. (Al-Dhahabiy. Dr. 2012. 1: 230) Bagi menggambarkan kepentingan Ilmu *Asbab al-Nuzul* ini, Shaikh al-Islam Ibn Taimiyyah berkata: “Pengetahuan tentang Sebab Turun Ayat membantu seseorang memahami ayat al-Qur'an. Sesungguhnya

pengetahuan tentang sebab, membawa seseorang kepada mamahami sesuatu yang bersebab”. (Al-Sayuti. T.th. 1: 28) *Asbab al-Nuzul* bukan sekadar menceritakan sejarah atau kronologi penurunan sesuatu ayat, tetapi mencapai ruang yang lebih luas dari itu. Jika diteliti secara mendalam, peranan *Asbab al-Nuzul* adalah menyamai peranan al-Sunnah dalam mentafsirkan al-Qur’an iaitu *Takhsis al’Am*, *Tafsil al-Mujmal*, *Bayan al-Mubham* dan *Taqyid al-Mutlaq*. Al-Shaikh Muhammad Tahir bin ‘Asyur di dalam tafsirnya *al-Tahrir wa al-Tanwir* menjelaskan: Terdapat sebahagian riwayat *Asbab al-Nuzul* yang wajib diketahui oleh seseorang Mufassir, kerana di dalamnya terdapat penjelasan terhadap sesuatu yang diijmalkan oleh al-Qur’an, atau penerangan terhadap sesuatu yang tersembunyi dan ringkas tanpa perincian di dalam al-Qur’an, terdapat juga riwayat *Asbab al-Nuzul* yang merupakan tafsiran terhadap sesuatu ayat al-Qur’an, selain dari itu, terdapat juga riwayat *Asbab al-Nuzul* yang menjadi panduan kepada Mufassir untuk mencari dalil untuk menta’wil sesuatu ayat daripada makna zahir (kerana wujud *Qarīnah* yang menegah daripada memahami maksud secara zahir) (Ibn ‘Asyur, 2008) Imam al-Shatibiy telah menjelaskan kepentingan *Asbab al-Nuzul* dengan katanya; “Sesungguhnya mengetahui *Asbab* penurunan adalah sesuatu yang sinonim bagi mereka yang inginkan ilmu al-Qur’an. (Al-Wahidiy. 2003. 6)

Memandangkan *Asbab al-Nuzul* memainkan peranan yang begitu besar dalam pentafsiran al-Qur’an, penentuan sumber pengambilannya amat dititik beratkan. Sehubungan itu, Imam al-Wahidiy menjelaskan: Tidak halal untuk memperkatakan tentang sebab turun sesuatu ayat kecuali melalui riwayat dan mendengar daripada generasi yang menyaksikan penurunan al-Qur’an dan *mentawaqqufkan* tafsiran hanya berdasarkan sebab-sebab turun ayat, dan berusaha mencari pengetahuan mengenainya serta bersungguh-sungguh mendapatkannya. Sesungguhnya syarak telah memberi ancaman dan amaran terhadap mereka yang jahil yang mempunyai niat jahat tentang ilmu ini (*Asbab al-Nuzul*) dengan neraka (Al-Wahidiy 2003: 14).

#### 4. Latar Belakang Muhammad Said

Hampir semua pengkaji didapati mencatatkan nama penuh tokoh ini sebagai Muhammad Said bin Umar bin Aminuddin bin Abdul Karim (Muhammad Ismi 2003: 51, Zulkifli & Hamza 2005: 66, Nurzatil Ismah. 2009. 17). Ejaan sebegini merupakan transliterasi kepada nama asal pengarang dalam tulisan jawi, justeru ada kewajaran ejaan ini digunapakai meskipun ejaan yang digunakan sebagai nama persatuan keturunan beliau ialah Mohd Saaid bin Omar ([www.saaaid.org.my](http://www.saaaid.org.my)). Muhammad Said memperkenalkan dirinya dalam *Tafsir Nur al-Ihsan* sebagai Said bin Umar yang bermazhab Shafi’i dan beramal dengan tarekat Naqsyabandi Ahmadi (Muhammad Said 1934. 4: 311).

Tahun kelahiran Said tidak dapat dipastikan tetapi Wan Saghir (2004: 190) menukilkan riwayat yang menyatakan tahun 1270 Hijrah bersamaan 1854 Masihi, manakala Zulkifli & Hamza (2005: 66) merekodnya tahun 1275H. Kampung kelahirannya ialah Kampung Kuar, Jerlun, Kedah. Said dibesarkan dalam sebuah keluarga yang mengambil berat soal agama. Bapanya, Umar merupakan seorang khatib yang fasih menyampaikan khutbah, justeru dikenali sebagai Umar Khatib. Umar membawa keluarganya mengembara ke beberapa daerah. Pada mulanya beliau berpindah ke Changkat, di daerah Kerian, kemudian ke Kampung Kedahdi Sungai Acheh, Perak dan akhirnya kembali ke Kedah (Hamza & Zulkifli 2005: 65).

Sebagai anak sulung daripada dua adik beradik, Muhammad Said meneruskan legasi keluarganya dalam bidangagama dengan belajar di Pondok Bendang Daya, Patani. Tempoh perguruannya di Patani ini kemungkinan berlaku selepas pertengahan abad ke-19M kerana beliau dikatakan sempat belajar seketika dengan pengasas pondok tersebut iaitu Sheikh Haji Wan Mustafa bin Wan Muhammad yang dikenali sebagai Tok Bendang Daya I (1160H/1747M-1280H/1863M) sebelum berguru secara mendalam dengan Sheikh Wan Abdul Qadir bin Wan Mustafa al-Fatani atau Tok Bendang Daya II (1234H/1817M-1312H/1895M) (Wan Saghir 2004: 190). Muhammad Said juga diriwayatkan ada melanjutkan pengajiannya di Mekah dan bermustautin dalam tempoh yang agak lama di sana. Beliau juga membeli sebidang tanah berdekatan Masjidil Haram dan membina rumah tumpangan untuk jemaah haji Tanah Melayu selain dijadikan tempat pengajaran (Zulkifli & Hamza 2005: 68). Namun, maklumat tentang pengajian dan gurunya serta tempoh pemustautinan tidak diperincikan. Mohd Sholeh dan Mohd

Nizam (2013: 164) membuktikan pernyataan ini dengan merujuk kepada pernyataan Muhammad Said dalam *Tafsir Nur al-Ihsan* yang menceritakan pengalaman hidupnya ketika menuntut ilmu di Kedah, kemudian di Patani sehinggalah beliau kembali dari Mekah. Beliau juga mencatatkan jarak perjalanan dari Mekah ke beberapa tempat seperti Asfan dan Hunayn.

Selain dari Tok Bendang Daya, para pengkaji menyatakan bahawa Syeikh Wan Sulaiman bin Wan Sididiq (1291H/1874M-1354H/1935M) adalah guru Muhammad Said. Hal ini berdasarkan catatan Said sendiri dalam *Tafsir Nur al-Ihsan* yang memperkenalkan Syeikh Wan Sulaiman itu sebagai *murshid* dan *ustadh*, *syakh al-waqt wa al-tariqah* dan *Shaykh al-Islam bi Qadah Dar al-Aman* (Muhammad Said 1391: 113). Walau bagaimana perbezaan jarak umur yang agak ketara antara kedua-dua tokoh ini iaitu 20 tahun menimbulkan persoalan kepada Wan Saghbir (2004: 190), adakah benar Syeikh Wan Sulaiman ini guru kepada Muhammad Said atau mungkin tahun kelahiran Muhammad Sa'id lebih lewat dari 1854? Barangkali juga Muhammad Said mengiktiraf Syeikh Wan Sulaiman sebagai *murshid* dan *ustadh* bukan merujuk kepada konotasi guru secara mutlak, sebaliknya 'guru sufi' tarekat Naqsyabandiyah. Gelaran sebegini juga adalah suatu penghormatan kepada keilmuan Syeikh Wan Sulaiman dan kedudukannya sebagai pengerusi Majma' Ulama, sebuah jawatankuasa pakar rujuk bagi kerajaan Kedah dan kemudiannya Qadi Besar yang dinamakan *Shaykh al-Islam*. Tiada sumber lain ditemui untuk merungkaikan isu ini, bahkan perbin'angan biografi Wan Sulaiman dan ulama yang seangkatan dengan Muhammad Sa'id juga tidak mencatatkan langsung nama Muhammad Said sebagai rakan seperguruan atau murid. Antara ulama Kedah yang seangkatan dengan Muhammad Said sebagaimana catatan dalam kitabnya *Fatawa Qadah* ialah Haji Ahmad Hakim bin Haji Muhammad Zain, Haji Idris Tuan Jamal dan Haji Muhammad Amin bin Tuan Ismail. Mereka diminta oleh Muhammad Said supaya mentashihkan kitab tersebut (Wan Saghbir 2004: 190).

Muhammad Sa'id meninggal dunia pada hari Rabu selepas Asar, 22 Zulkaedah 1350H bersamaan 9 Mac 1932. Jenazah beliau kemudiannya telah disemadikan di Masjid Alor Merah, Alor Setar, Kedah (Zulkifli & Hamza 2005: 77).

## 5. Pengenalan *Tafsir Nurul Ihsan*

Muhammad Said merakamkan sejarah penulisan tafsirnya ini dalam mukadimah:

Adapun kemudian daripada itu, maka sungguh telah pinta pada hamba oleh setengah ikhwan yang mulia-mulia bahawa hamba surat bagi mereka itu dengan bahasa Melayu Kedah akan Quran supaya dapat faham mereka itu akan suruhanNya dan tegahNya dengan mudah dan tiada bergoyang-goyang hati mereka itu pada taat dan iman. Maka hamba perkenan akan dia dan jika tiada hamba ahli bagi demikian itu sekalipun kerana menuntut keredaan Tuhan al-Rahman dan menyuka bagi segala hati ikhwan (Muhammad Said 1391H. 1: 2).

Selain itu, galakan pihak istana khususnya Tengku Ibrahim dan Tengku Mahmud, anakanda sultan Kedah, Sultan Abdul Hamid Halim Shah ibni al-Marhum Sultan Ahmad Tajuddin Mukram Shah, telah menguatkan tekad Muhammad Said menulis tafsir ini (Muhammad Said 1391H. 4: 113). Sehubungan itu, Muhammad Said memulakan penulisan tafsir ini pada bulan Zulhijjah 1344H. Beliau berjaya mentafsirkan sehingga juzuk ketiga, surah al-Zumar pada Isnin 27 Zulhijjah 1345H (Muhammad Said 1391H. 3) dan menyempurnakan tafsir ini pada 1 Rabiulakhir 1346H (Muhammad Said 1391H. 4: 113). Oleh itu, *Tafsir Nur al-Ihsan* ini wajar diiktiraf sebagai tafsir pertama yang dihasilkan oleh ulama tempatan dalam bahasa Melayu jawi dan lengkap 30 juzuk al-Quran.

Terdapat beberapa versi percetakan kitab ini. Menurut Wan Saghbir (2004: 192), ia dicetak buat kali pertama oleh *Matba'at Dar Ihya' al-Kutub al-'Arabiyyah*, Mesir pada tahun 1349H, iaitu satu tahun sebelum kewafatan Muhammad Said, dengan pembiayaan oleh Haji Muhammad bin Muhammad Ali Rawa. Mustaffa (2009) pula menyatakan percetakan ini berlaku di Mekah pada tahun 1934 iaitu dua tahun selepas kewafatan pengarangnya. Manakala cetakan kedua di Pulau Pinang pada tahun 1936 dan penerbitan kali ketiga dibuat oleh *Maktabah Dar al-Ma'arif*, Pulau Pinang pada tahun 1970 (Ismail 1995: 55). Menurut kajian Zulkifli & Hamza (2005: 77-79), kitab ini dicetak pada tahun 1934 oleh Percetakan *Muhammad al-Nahdi wa Auladihi*, Bangkok. Manakala versi kitab yang ada di pasaran kini ialah cetakan ketiga pada

tahun 1391H bersamaan 1970/1971 oleh Matba'ah Bin Halabi, Pataniyang turut mencatatkan hak ciptanya kepada anaknya, Ahmad bin Muhammad Said dan waris. Berkemungkinan juga cetakan 1391H ini merupakan salinan kepada naskhah tafsir yang dicetak pada tahun 1375H/1956 sebagaimana catatan tarikh yang ditemui di akhir jilid 4, "selesai cetak pada 12 Zulhijjah 1375 bersamaan 19 Julai 1956". Kepelbagaian penerbitan ini menunjukkan sambutan yang sangat menggalakkan terhadap *Tafsir Nur al-Ihsan* sehingga memungkinkan berlaku penyelewengan atau cetak rompak sebagaimana yang didakwa oleh waris.

*Tafsir Nur al-Ihsan* dicetak dalam bahasa Melayu jawi dan terdiri daripada empat jilid. Jilid pertama memuatkan pentafsiran surah al-Fatihah sehingga surah al-Ma'idah, jilid kedua bermula dengan surah al-An'am dan diakhiri dengan surah Hud. Manakala jilid ketiga dimulai dengan surah al-Kahfi sehingga surah al-Zumar, jilid keempat mengandungi tafsiran surah al-Mukmin (Ghafir) sehingga surah al-Nas. Pada akhir setiap jilid, pengarang menyediakan indeks bagi memudahkan pembaca mengesan tajuk-tajuk yang dibin'angkan oleh ayat-ayat dalam setiap surah dan juzuk.

## 6. Rujukan riwayat Asbab al-Nuzul di dalam *Tafsir Nurul Ihsan*

*Asbab al-Nuzul* di dalam *Tafsir Nurul Ihsan* banyak merujuk kepada *Tafsir al-Jalalayn* dan *Hashiah al-Jamal*. Dalam *Tafsir al-Jalalayn*, riwayat *Asbab al-Nuzul* tidak dikemukakan secara lengkap. Penulisnya cuma mengemukakan mafhum daripada hadith sahaja. Muhammad Sa'id juga menggunakan pendekatan yang sama, beliau hanya menterjemahkan *Asbab al-Nuzul* yang disebut di dalam *Tafsir al-Jalalayn*. Kadang-kadang, apabila *Asbab al-Nuzul* sesuatu ayat tidak disebut dalam *Tafsir al-Jalalayn*, beliau merujuknya kepada *Hashiah al-Jamal*. *Asbab al-Nuzul* adalah sebahagian daripada ilmu hadith. Kesahihannya ditentukan berdasarkan disiplin ilmu hadith. Terdapat 172 riwayat *Asbab al-Nuzul* didalam tafsir ini, 68 daripadanya adalah sahih dan yang bakinya berjumlah 104 adalah da'if. *Tafsir Nurul Ihsan* merupakan kitab yang dijadikan sebagai teks di sebahagian kelas pengajian Tafsir terutamanya di pondok-pondok dan juga di Masjid-masjid. Ini membuktikan bahawa *Tafsir Nurul Ihsan* mempunyai peranan yang besar kepada masyarakat melayu Islam di Malaysia. Tambahan pula rujukan tafsir al-Qur'an dalam bahasa melayu amat terhad. Oleh itu, kajian terhadap *Asbab al-Nuzul* amat perlu dilakukan bagi mendapat gambaran yang jelas tentang kedudukan riwayat-riwayat tersebut samada sahih atau da'if dan boleh dijadikan hujah atau tidak.

## 7. Metodologi Riwayat *Asbab al-Nuzul* di dalam *Tafsir Nurul Ihsan*

Sebahagian besar riwayat *Asbab al-Nuzul* dirujuk oleh Muhammad Sa'id kepada *Tafsir al-Jalalayn* dan selebihnya dinukilkan daripada *Hashiah al-Jamal*. Terdapat beberapa riwayat *Asbab al-Nuzul* yang tidak dirujuk kepada kedua-dua kitab tersebut, iaitu ayat 7 Surah al-Mumtahanah dan ayat 31 Surah al-Muddaththir yang dirujuk kepada *Tafsir al-Khazin*. Pendekatan yang digunakan oleh Muhammad Sa'id dalam menukilkan riwayat-riwayat *Asbab al-Nuzul* tidak jauh berbeza dengan pendekatan yang digunakan oleh ulama-ulama lain seperti al-Baghawiy, al-Khazin, al-Baidawiy dan Jalal al-Din al-Mahalliy serta al-Sayutiy iaitu tanpa menyebut sumber dan kritikan. Antara metod yang digunakan oleh Muhammad Sa'id terhadap riwayat-riwayat *Asbab al-Nuzul* ialah:

1. Tidak mengemukakan matan hadith. Kesemua riwayat *Asbab al-Nuzul* dalam tafsir ini dikemukakan dalam bahasa Melayu tanpa menyebut nama sahabat yang meriwayatkannya. Contohnya:

"Telah bertanya 'Abdullah bin Suriyya satu ulama Yahudi akan Nabi s.a.w atau sayyidina 'Umar daripada mereka yang bawa turuh wahyu, siapa ia daripada malaikat? Maka kata Nabi: ia Jibril. Maka kata 'Abdullah: iaitu aduwuna (seteru kami) bawa datang azab dan jika ia mikail nescaya kami beriman kerana ia bawa datang dengan *khisb* (خصب) kemurahan dengan hujan dan tumbuh tumbuhan dan selamat. Maka turun." (Muhammad Sa'id 1391 1: 31)

Riwayat ini dikemukakan ketika mentafsirkan ayat 97 Surah al-Baqarah. Dalam

riwayat yang asal hadith ini diriwayatkan oleh al-Wahidiy daripada ‘Abdullah bin ‘Abbas r.a. seperti berikut:

وقال ابن عباس: إن حبرا من أحبار اليهود من فدك يقال له: عبد الله بن سوريا حاج النبي صلى الله عليه وسلم, فسأله عن أشياء, فلما اتجهت الحجّة عليه قال: أي ملك يأتيك من السماء؟ قال: جبريل, ولم يبعث الله نبيا إلا وهو وليه, قال: ذاك عدونا من الملائكة, ولو كان ميكائيل لآمنّا بك. إن جبريل نزل بالعذاب والقتال والشدة, فإنه عادانا مرارا كثيرة, وكان أشد ذلك علينا, أن الله أنزل على نبينا أن بيت المقدس سيخرب على يدي رجل يقال له بختنصر, وأخبرنا بالحين الذي يخرب فيه, فلما كان وقته بعثنا رجلا من أقوياء بني إسرائيل في طلب بختنصر ليقتله, فانطلق يطلبه حتى لقيه ببابل غلاما مسكينا ليست له قوة, فأخذه صاحبنا ليقتله, فدفع عنه جبريل, وقال لصاحبنا: إن كان ربكم الذي أذن في هلاككم فلا تسلط عليه, وإن لم يكن هذا فعلى أي حق تقتله؟ فصدقه صاحبنا ورجع إلينا, وكبر بختنصر وقوي وغزانا وخرّب بيت المقدس. فلهذا نتخذة عدوا. فأنزل الله هذه الآية.

Al-Wahidiy (2003: 32) dan al-Baghawiy (1955 1: 84)

Maksudnya:

Ibn ‘Abbas menceritakan: Salah seorang daripada pendita Yahudi daripada Fadk yang bernama ‘Abdullah bin Suriyya berhujah dengan Nabi s.a.w, beliau bertanya tentang beberapa perkara. Apabila Nabi s.a.w mematahkan hujahnya beliau bertanya: Siapakah malaikat daripada langit yang datang kepada kamu? Lalu nabi s.a.w menjawab: Jibril. Allah tidak mengutuskan seorang Nabi kecuali jibrillah yang akan menjadi walinya. Lalu ‘Abdullah bin Suriyya menjawab: Itulah Malaikat yang menjadi musuh kami. Kalaulah yang turun itu Mikail tentu kami beriman dengan kamu. Sesungguhnya Jibril menurunkan azab, peperangan dan huru hara. Dia telah memusuhi kami beberapa kali. Apa yang paling dahsyat beliau lakukan terhadap kami ialah: Sesungguhnya Allah memberitahu kepada Nabi kami bahawa Bait al-Maqdis akan runtuh ditangan seorang lelaki yang bernama Bukhtunsr, dan Allah juga memberitahu kami tentang waktunya. Apabila tiba masanya, kami telah menghantar orang yang paling kuat dikalangan bani Israil untuk membunuh Bukhtunsr. Lelaki tersebut bertolak hingga sampai di Babil dan bertemu seorang budak yang miskin dan lemah. Lalu ia menangkapnya untuk dibunuh. Tetapi Jibril menghalangnya dan berkata kepada kepada orang kami: Sekiranya Tuhan kamu mengizinkan untuk kehancuran kamu, janganlah kamu menguasainya, jika tidak, atas alasan apakah kamu hendak membunuhnya? Lalu orang utusan kami itu akur kepadanya dan kembali. Bukhtunsr pun menjadi dewasa dan bertambah kuat lalu memerangi kami, beliau telah membinasakan bait al-Maqdis. Dengan sebab itulah kami menganggap Jibril sebagai musuh. Maka Allah S.W.T menurunkan ayat ini.

2. Semua riwayat *Asbab al-Nuzul* tidak dinyatakan sumber daripada kitab-kitab hadith kecuali ketika mengemukakan *Asbab al-Nuzul* bagi ayat 15 Surah al-Ahqaf, beliau menyebut: “Riwayat al-Qurtubiy dan Khazin turun ayat ini pada Abu Bakr al-Şiddiq...hingga akhir hadith” (Muhammad Sa’id 1391. 4: 76-77).

3. Kebanyakan riwayat *Asbab al-Nuzul* dikemukakan secara mafhum daripada hadith dalam bentuk yang lebih ringkas daripada riwayat yang asal, contohnya: ”Dan turun pada jamaah di Mekah yang Islam dan tiada hijrah, maka dibunuh mereka itu pada hari Badar serta kafir-kafir” (Muhammad Sa’id 1391. 1: 187).

Riwayat ini dikemukakan ketika beliau mentafsirkan ayat 97 Surah al-Nisa’. Riwayat asalnya seperti berikut:

حدثنا عبد الله بن يزيد المقرئ حدثنا حيوة وغيره قالوا حدثنا محمد بن عبد الرحمن أبو الأسود قال قطع على أهل المدينة بعث فاكتسبت فيه فلقيت عكرمة مولى ابن عباس فأخبرته فنهاني عن ذلك أشد النهي ثم قال

أخبرني ابن عباس أن ناساً من المسلمين كانوا مع المشركين يكتفون سواد المشركين على عهد رسول الله صلى الله عليه وسلم يأتي السهم فيرمى به فيصيب أحدهم فيقتله أو يضرب فيقتل فأُنزل الله { إن الذين توفاهم الملائكة ظالمي أنفسهم } الآية رواه الليث عن أبي الأسود  
(Al-Bukhariy 1986. 8: 111: 4596) dan al-Tabraniy (1995. 1: 364: 365)

Maksudnya:

Muhammad bin ‘Abd al-Rahman Abu al-Aswad berkata: Diwajibkan keatas penduduk Madinah menghantar tentera untuk memerangi Sham (Di zaman pemerintahan ‘Abdullah bin al-Zubayr) aku juga tersenarai, lalu aku bertemu cIkrimah maula Ibn ‘Abbas dan aku ceritakan padanya, dia melarang aku sekeras-kerasnya, kemudian beliau menceritakan: Ibn ‘Abbas pernah menceritakan kepada aku bahawa sekumpulan orang Islam telah keluar menyertai tentera mushrik untuk menguatkan barisan pertahanan mereka di zaman Rasulullah s.a.w, lalu mereka terkena panah dan mati atau ditetak dengan pedang dan mati, maka Allah menurunkan ayat yang bermaksud: “Sesungguhnya orang-orang yang diambil nyawanya oleh malaikat semasa mereka sedang menganiayai diri sendiri (kerana enggan berhijrah untuk membela Islam dan rela ditindas oleh kaum kafir mushrik) – hingga akhir ayat. Diriwayatkan oleh al-Laith daripada Abi al-Aswad.

4. Tidak ada sebarang kritikan tentang kedudukan hadith samada sahih atau *da’if* dan juga tidak terdapat sebarang penjelasan berkaitan kesesuaian dan keserasian antara riwayat dan ayat al-Qur’an.

5. Kadang-kadang Muhammad Sa’id (1391. 4: 286) mengemukakan dua riwayat *Asbab al-Nuzul* untuk satu ayat. Contohnya ketika mentafsirkan ayat 3 Surah al-Duha:

Turun ayat ini tatkala kata kafir-kafir Mekah bagi nabi ketika ta’khir wahi daripadanya lima belas hari Tuhannya telah tinggalnya dan marah. Adapun sebab ta’khir wahi itu anak anjing mati bawah katil tiada siapa ketahui tatkala dibuang turun Jibrail Tanya Rasulullah. Maka katanya engkau tiada ketahuikah kami tiada masuk rumah yang padanya anjing dan gambar.

Riwayat pertama yang dikemukakan oleh Muhammad Sa’id ini adalah *Sahih*, manakala riwayat kedua adalah *da’if*. Ibn Hajar al-‘Asqalaniy berkata: Hadith al-Tabraniy yang menceritakan tentang bangkai anak anjing di bawah katil Nabi s.a.w, diriwayatkan daripada jalur perawi *majhūl* tidak dikenali. Kisah ini merupakan kisah yang masyhur, tetapi untuk dijadikan hujah terhadap sebab turun ayat merupakan sesuatu yang *gharib* (pelik), ganjil dan *mardud* (ditolak) kerana bertentangan dengan riwayat yang sahih. (Al-‘Asqalaniy. 1986. 8: 580). Al-Haithamiy (t.th 3: 231) berkata: Hadith ini diriwayatkan oleh al-Tabraniy dan ibu kepada hafs aku tidak mengenalinya.

6. Kadang-kadang Muhammad Sa’id (1391. 2: 272) mengemukakan lebih daripada satu riwayat *Asbab al-Nuzul* yang berbeza untuk satu ayat. Contohnya ketika mentafsirkan ayat 31 Surah al-Ra’d:

**Pertama:** Sebab turun bagi firman Allah:

Maksudnya:

Dan turun tatkala kata kafir-kafir Mekah bagi nabi: “Jika ada engkau sebenar nabi, maka ubah olehmu daripada kami akan bukit-bukit Mekah ini jadi bagi kami sungai dan mata air telaga dalam Mekah ini supaya boleh kami bertanam pokok-pokok dan biji-biji dan bangkitkan tok nenek kami yang mati-mati berkhobar pada kami kata engkau itu Nabi.



**Kedua:** Sebab turun bagi ayat:

Maksudnya:

Dan turun tatkala menghendaki sahabat-sahabat akan menzahir barang yang mereka itu tuntutan kerana tamak pada iman mereka itu. (1391. 2: 273)

**Ketiga:** Sebab turun bagi ayat:

Maksudnya:

Dan sungguh telah turun ia dengan Hudaibiyyah tahun keenam daripada Hijrah dan *sulh* mereka itu tiada beri Nabi masuk Mekah tahun itu dan masuk tahun hadapan. Maka masuk Rasulullah s.a.w tahun yang ketujuh kerja umrah dan dapat Mekah tahun delapan dan haji wida' Rasulullah tahun sepuluh ( Muhammad Sa'id 1391. 2: 273).

7. Muhammad Sa'id (1391. 1: 44) akan mengemukakan riwayat *Asbab al-Nuzul* sebelum ayat, tetapi disebagian tempat, beliau mengemukakan riwayat *Asbab al-Nuzul* selepas mentafsirkan ayat, contohnya ketika mentafsirkan ayat 143 surah al-Baqarah.

### 8. Kesilapan-kesilapan Periwiyatan *Asbab al-Nuzul* di Dalam Tafsir Nurul Ihsan

Tidak dapat dinafikan bahawa tugas yang dilaksanakan oleh penulis untuk menyempurnakan Tafsir Nurul Ihsan ini adalah lebih sukar jika dibandingkan dengan tugas menyelidiki sumber *Asbab al-Nuzul*, riwayat-riwayat *Israiliyyat*, hadith-hadith *mauquf*, metodologi dan sebagainya. Oleh itu, perlu disedari bahawa jasa yang ditinggalkan oleh penulis terhadap masyarakat adalah sesuatu yang tidak ternilai. Mengkritik kekurangan penulis dalam tafsir ini adalah sesuatu yang tidak wajar. Apa yang perlu dilakukan ialah menyempurnakan kekurangan yang ditinggalkan oleh penulis supaya dapat dimanfaatkan oleh umat Islam.

Di dalam Tafsir Nurul Ihsan, bilangan hadith *Asbab al-Nuzul* yang *Sahih* cuma enam puluh lapan buah hadith, sedangkan jumlah hadith *da'if* ialah seratus empat buah hadith. Persoalannya, adakah penulis secara sengaja memasukan hadith-hadith *da'if* ke dalam kitabnya atau beliau tidak ada maklumat tentang status hadith-hadith berkenaan? Jawapan secara tepatnya hanya ada pada penulis. Secara andaiannya, boleh dikatakan bahawa beliau hanyalah menukulkan maklumat daripada dua buah kitab induk yang menjadi rujukannya iaitu *Tafsir al-Jalalayn* dan *al-Futuhat al-Ilahiyyah* atau lebih dikenali dengan *Hashiah al-Jamal 'ala al-Jalalayn*. Adakah tindakan penulis ini boleh dianggap sebagai satu kesalahan dan mencemarkan amanah ilmiah? Sebahagian Mufassir beranggapan bahawa maklumat-maklumat yang diambil daripada *Israiliyyat* dan hadith-hadith *da'if* adalah memberi manfaat bagi menjelaskan sesuatu yang tidak diperincikan di dalam al-Qur'an. Untuk menjelaskan kedudukan riwayat-riwayat *da'if* tersebut, mereka serahkan kepada pengkritik-pengkritik yang selepas mereka. Tujuan mereka mengemukakan riwayat-riwayat *da'if* ini hanyalah sekadar menyampaikan maklumat, bukanlah untuk dijadikan pegangan. Oleh itu, Mufassirun tidak boleh dipersalahkan selagi mereka bertujuan demikian. Sulaiman bin 'Abd al-Qawiy al-Tufiy memohon maaf bagi pihak Mufassirun yang memenuhi kitab-kitab tafsir mereka dengan *Israiliyyat* dan hadith-hadith *da'if*. Ia beranggapan, tujuan mereka adalah seperti yang telah dijelaskan tadi. Beliau mengumpamakan Mufassirun seperti orang yang berusaha mengumpulkan sebanyak-banyak hadith. Namun tugas mengklasifikasikan hadith-hadith tersebut diserahkan kepada pengkritik era seterusnya (Al-Kauthariy. T.th. 40). Dr Husain al-Dhahabiy tidak bersetuju dengan kelonggaran yang diberikan oleh ulama ke atas Mufassirun ini. Beliau berpendapat, kemaafan boleh diberikan sekiranya Mufassirun meriwayatkan kisah *Israiliyyat* dan hadith-hadith *da'if* disertai dengan sanad yang lengkap dan orang yang berinteraksi dengan kitab-kitab mereka mampu membezakan antara riwayat-riwayat yang *Sahih* dan *bāṭil*. Tetapi, seandainya riwayat-riwayat yang dikemukakan dibuang sanadnya dan kebanyakan mereka yang berinteraksi dengan kitab-kitab tafsir tersebut tidak mampu membuat penilaian, mereka ini seolah-olah menabur duri di jalan-jalan yang hendak dilalui oleh penggemar-penggemar tafsir untuk menuju ke arah penghayatan makna-makna al-Qur'an. (Al-Dhahabiy. 1989)

Antara kesilapan-kesilapan yang terdapat dalam periwayatan *Asbab al-Nuzul* di dalam Tafsir Nurul Ihsan.

**Pertama:** Per'anggahan antara sebab turun dan ayat al-Qur'an dari sudut tarikh. Contohnya sebab turun ayat 83 Surah al-Maidah. Dalam riwayat yang dikemukakan oleh Muhammad Sa'id telah menyebut bahawa ayat ini diturunkan kepada raja Najashiy yang datang bersama Ja'far bin Abi Talib daripada Habshah. Hakikatnya peristiwa ini berlaku ketika penghijrahan umat Islam ke Habshah, sedangkan Surah al-Ma'idah diturunkan di Madinah selepas hijrah. Oleh itu, hadith ini bukan hujah bagi sebab turun ayat kerana tidak ada persamaan dari sudut masa dan tarikh. (1391. 1: 238-239)

**Kedua:** Menyebut *Asbab al-Nuzul* bagi ayat yang diturunkan tanpa sebab. Contohnya kisah 'Uraniyyin yang dikatakan menjadi sebab bagi turun ayat 33 Surah al-Maidah. (1391. 1: 221-222) Kisah ini disebut dalam hadith al-Bukhariy, (1986. 12: 111: 6802) Muslim, (T.th. 9: 8; 3162) dan al-Nasā'i di dalam al-Sunan al-Kubra, (2001. 2: 294) tetapi tidak dikaitkan dengan sebab turun.

**Ketiga:** Mengumumkan sesuatu riwayat yang khusus. Contohnya ketika mengemukakan sebab turun bagi ayat 43 Surah al-Nisa', Muhammad Sa'id menyebut: "Sebab turun ini sembahyang jamaah sahabat ketika mabuk". Difahami daripada ungkapan ini, ayat ini ditujukan khusus kepada mereka yang sembahyang berjamaah ketika mabuk, ini bermaksud, sembahyang seorang diri tidak ditegah ketika mabuk. Sedangkan hadith yang diriwayatkan oleh 'Ali bin Abi Talib menjelaskan bahawa ayat ini diturunkan lantaran kesilapan 'Ali r.a tersilap membaca ayat-ayat al-Qur'an ketika mengimami sembahyang dalam keadaan mabuk. (1391. 1: 169)

**Keempat:** Mengemukakan riwayat sebab turun yang dihukum oleh ulama sebagai batil seperti kisah Tha'labah bin Hatib al-Ansariy (1391. 2: 162) dan kisah *al-Gharaniq* (1391. 3: 100) tanpa membuat kritikan.

## Kesimpulan

*Tafsir Nurul Ihsan* merupakan warisan peninggalan ulama silam yang amat bernilai. Ia merupakan tafsir lengkap 30 juzuk yang pertama dihasilkan dalam Bahasa Malaysia. Warisan peninggalan ulama Melayu silam ini perlu diberi kedudukan yang sewajarnya. Generasi muda terutamanya yang menceburi bidang pendidikan Islam patut diberi pendedahan tentang kepentingan dan peranan tafsir ini kepada masyarakat Melayu Islam sejak ia diterbitkan. Ketokohan penulisnya iaitu Muhammad Sa'id Umar perlu diperkenalkan kepada generasi hari ini agar jasa ulama' Melayu silam ini tidak dilupai dan tidak lapok ditelan zaman. Amat patut sekiranya sarjana-sarjana Islam universiti tempatan tampil untuk mensyarahkan tafsir ini dengan gaya bahasa terkini supaya tafsir ini terus menjadi rujukan masyarakat.

## Rujukan

al-Qur'an al-Karim

'Abdullah bin Muhammad Basmeih. 1995. *Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Qur'an*. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri.

Abu Dawud, Sulaiman bin al-Ash'ath bin Ishaq bin Bashir bin Shaddad bin 'Amr al-Azdiy al-Sijistaniy. 1990/1410H. *Sunan Abu Dawud*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah,

'Abd al-Razzaq, Abu Bakr 'Abd al-Razzaq bin Hammam bin Nafi' al-Humayriy al-Yamaniy al-San'aniy. 1403. *Musannaf*. Bayrut: al-Maktab al-Islamiy.

al-Albaniy, Abu 'Abd al-Rahman Muhammad Nasir al-Din bin Nuh Najatiy bin Adam. 2000/1421H. *Silsilah al-Ahadith al-Da'ifah wa al-Mawdu'ah wa Atharuha al-Sayyi' fi al-Ummah*. Maktabah al-Ma'arif li al-Nashr wa al-Tawzi'.

al-Albaniy, Abu 'Abd al-Rahman Muhammad Nasir al-Din bin Nuh Najatiy bin Adam. 1995/1415H. *Silsilah al-Ahadith al-Sahihah wa Shai' min Fiqhiha wa Fawaiduha..* Maktabah al-Ma'arif li al-Nashr wa al-Tawzi'.

Ahmad bin Hanbal al-Shaibaniy. 1983/1403H. *Musnad al-Imam Ahmad bin Hanbal*. Jami'ah

- Umm al-Qura.
- al-‘Asqalaniy, Ahmad bin ‘Ali bin Hajar. 1986/1407H. *Fath al-Bari bi Sharh Sahih al-Bukhariy*. Dar al-Rayyan li al-Turath.
- al-‘Asqalaniy, Ahmad bin ‘Ali bin Hajar. 1997/1418H. *al-‘Ujab fi Bayan al-Asbab*. al-Mamlakah al-‘Arabiyyah al-Sa’udiyyah: Dar Ibn al-Jawziy. Tahqiq: ‘Abd al-Hakim Muhammad al-Unays.
- al-Baihaqiy, Ahmad bin al-Husayn bin ‘Ali bin Musa, Abu Bakr. 2003/1424H. *Sunan al-Baihaqiy*. Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- al-Bukhariy, Abu ‘Abdullah Muhammad bin Ismail. t.th. *Sahih al-Bukhariy*. Faisal ‘Isa al-Babiy al-Halabiy.
- al-Dhahabiy, Muhammad Husayn. 2012/1433H. *al-Tafsir wa al-Mufasssirun*. Qahirah: Dar al-Hadith.
- al-Dhahabiy, Shams al-Din Muhammad bin Ahmad bin ‘Uthman. 1995/1416H. *Mizan al-I’tidal fi Naqd al-Rijal*. Bayrut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- al-Hakim, Muhammad bin ‘Abdullah al-Hakim al-Naysaburiy Abu ‘Abdullah. 2002/1422H. *al-Mustadrak ‘ala al-Sahihayn*. . Tahqiq, Mustafa ‘Abd al-Qadir ‘Ata. Bayrut-Lubnan: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Hamza Muhammad @ Hamdan. 2005. *Metodologi Muhammad Sa’id Umar dalam tafsir al-Qur’an: suatu kajian terhadap Tafsir Nurul Ihsan*. Disertasi Ijazah Sarjana, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Ibn Kathir, ‘Imad al-Din Abu al-Fida’ Ismail bin Kathir. 1988/1408H. *Tafsir al-Qur’an al-‘Azim*. al-Qahirah: Dar al-Hadith.
- Ibn Khuzaimah, Abu Bakr Muhammad bin Ishaq bin Khuzaimah al-Salamiy al-Naisaburiy. 2003/1424H. *Sahih Ibn Khuzaimah*. Tahqiq: Muhammad Mustafa al-A’zamiy. al-Maktab al-Islamiy..
- ‘Imad al-Din Muhammad al-Rashid. 1999/1420H. *Asbab al-Nuzul wa Atharuha fi Bayan al-Nusus: Dirasah Muqaranah baina Usul al-Tafsir wa Usul al-Fiqh*. Dar al-Shihab.
- al-Jamal, Sulaiman bin ‘Umar al-‘Ujailiy al-Shafi’i. t.th. *al-Futuh al-Ilahiyyah bi Tawdih Tafsir al-Jalalayn li al-Daqa’iq al-Khafiyyah*. Dar al-Fikr li al-Tiba’ah wa al-Nashr wa al-Tawzi’.
- Jawiah Dakir, Mazlan Ibrahim dan Mohd Najib Abdul Kadir. 2009. *Pengenalan Tokoh dan Kitab-kitab Tafsir Melayu Ulama Nusantara*. Bangi: Penerbit UKM.
- Khalid bin Sulaiman al-Muzainiy. 1427H. *al-Muharrar fi Asbab Nuzul al-Qur’an min Khilal al-Kutub al-Tis’ah: Dirasah al-Asbab Riwayah wa Dirayah*. Dar Ibn al-Jawziy li al-Nashr wa al-Tawzi’.
- al-Khazin, ‘Ala’ al-Din ‘Ali bin Muhammad bin Ibrahim al-Baghdadiy. 1955/1375H. *Lubab al-Ta’wil fi Ma’ani al-Tanzil*. Misr: Maktabah wa Matba’ah Mustafa al-Babiy al-Halabiy wa Auladuh.
- Muhammad Sa’id bin Umar. 1391. *Tafsir Nur al-Ihsan*. Maktabah wa Matba’ah Muhammad al-Nahdiy wa Auladuh.
- Muslim. Al-Imam Abu al-Husain Muslim bin al-Hajjaj bin Muslim al-Qushairiy al-Naisaburiy. t.th. *Sahih Muslim*. Misr: Dar Ihya’ al-Turath.
- al-Shaykh bin Jumu’ah Sahl. 1983/1403H. *Asbab al-nuzul: asaniduha wa atharuha fi tafsir al-Qur’an al-karim*. Tesis Sarjana. Jami’ah Umm al-Qura: Al-Mamlakah al-‘Arabiyyah al-Sa’udiyyah.
- Sulaim bin ‘Aid al-Hilaliy & Muhammad bin Musa ‘Ali Nasr. 1425H. *Al-Isti’ab fi Bayan al-Asbab*. Al-Mamlakah al-‘Arabiyyah al-Sa’udiyyah: Dar Ibn al-Jawziy.
- al-Tabariy, Abu Ja’far Muhammad bin Jarir al-Tabariy. *Jami’ al-Bayan ‘an Ta’wil Ayial-Qur’an*. 1405H/1984. Bayrut. Lubnan: Dar al-Fikr.

- al-Wahidiy, Abu al-Hasan Ali bin Ahmad bin Muhammad bin Ali. 2002/1424H. *Asbab al-Nuzul*. Tahqiq: Aiman Salih Sha'ban. Dar al-Hadith al-Qahirah..
- Wan Mohd Shaghir Abdullah. 2009. *Koleksi Ulama Nusantara (Jil. 1)*. Khazanah Fathaniyah.
- al-Zarqaniy, Muhammad 'Abd al-'Azim. t.th. *Manahil al-'Irfān fi 'Ulum al-Qur'an*. Matba'ah Dar Ihya' al-Kutub al-'Arabiyyah.